

Untuk Siaran Segera

## **Lensa 8x Zoom Optik\* 28mm Sudut-Lebar**

### **14.1-Megapiksel LUMIX DMC-FH22/FH20**

#### **Dilengkapi Operasi Mudah dengan Mod Lanjutan Auto Pintar**

\*Kamera 35mm bersamaan dengan: 28-224mm

**Kuala Lumpur, 3 Febuari 2010** – Panasonic memperkenalkan kamera terbaru 14.1-megapiksel DMC-FH22/FH20 dengan lensa 28mm sudut lebar yang diperbaharui dengan 8x zoom optik (bersamaan dengan 28mm kepada 224mm dengan kamera 35mm).

Siri FH, adalah salah satu rangkaian kepada siri LUMIX FX, yang melanjutkan lagi kemudahan operasinya dengan profil gred tinggi bagi setiap lapisan pengguna untuk berhibur dan mengambil gambar-gambar yang menarik. Kesemua kamera daripada siri FH dilengkapi dengan lensa sudut lebar 28mm dengan 8x atau 5x zoom optik. Model-model 8x zoom optik mempunyai dua jenis LCD, iaitu LCD 3.0-inci skrin sentuh pintar untuk FH22 dan 2.7-inci LCD pintar untuk FH20.

Dikenali di seluruh dunia, Panasonic mod iA (Auto Pintar) memudahkan pengguna untuk mengambil gambar-gambar yang cantik dengan pelbagai fungsi bantuan penggambaran. MEGA O.I.S. (Penstabil Imej Optik MEGA) untuk getaran tangan, Kawalan ISO Pintar untuk pergerakan subjek, Pengesan Wajah dan Pemilih Pemandangan Pintar. Butang iA yang berada di atas kamera membenarkan anda untuk menggunakan mod iA. Dalam mod iA, pelbagai fungsi dapat digunakan secara automatik supaya anda dapat mengambil gambar tanpa perlu menukar aturan setiap kali keadaan berubah.

Fungsi terbaru yang dilengkapi di dalam FH22/FH20 adalah keupayaannya merakam video di dalam format HD (Definisi Tinggi) 720p gerakan jpeg (*motion jpeg*). Rakaman video boleh ditonton menggunakan komputer disamping gambar-gambar dan video dapat di tukar kepada persembahan slaid bentuk fail MPEG2 dalam cakera DVD untuk berhibur sambil menonton di televisyen dengan menggunakan perisian PHOTOfunSTUDIO 5.0 yang ada bersama pembelian kamera.

DMC-FH22 mempunyai LCD 230,000-titik 3-inci, manakala DMC-FH20 mempunyai LCD pintar 2.7-inci yang dapat mengesan keadaan cahaya dan mengawal keterangan cahaya LCD dalam 11 cara untuk menawarkan pemandangan yang paling sesuai di dalam apa jua situasi. LCD 3.0-inci pintar FH22 dilengkapi dengan skrin sentuh yang mempunyai operasi hybrid intuitif bersama kombinasi butang. Dengan Pilihan Pemandangan Saiz, menu yang jelas kelihatan memudahkan pengawalan termasuk golongan warga emas, Pelbagaifungsi lain membuatkan FH22/FH20 menyeronokkan apabila mengambil gambar.

Dihiasi dengan panel logam, DMC-FH22/FH20 yang nipis dan licin menawarkan kepuasan mengambil gambar yang cantik secara kasual dengan operasi mudah walaupun bagi mereka yang baru belajar. Model DMC-FH22 boleh didapati dalam warna perak, hitam dan merah, manakala FH20 dalam warna perak, hitam, merah, biru dan ungu

\*Model dan warna boleh didapati bergantung kepada kawasan jualan.

### **1. Lensa LUMIX DC 28mm Sudut Lebar, 8x Zoom Optik (28-224mm\*), 14.1-megapiksel CCD Resolusi Tinggi dan Prestasi Tinggi Enjin Venus IV**

14.1-megapiksel DMC-FH22/FH20 datang bersama pakej lensa LUMIX 28mm sudut-lebar\* dengan 8x zoom optik yang nipis dan kompak. Terdiri daripada 9 elemen di dalam 7 kumpulan, termasuk 3 lensa *aspherical* dengan 6 permukaan *aspherical*, unit lensa lanjutan ini dipadankan dengan bentuk kamera nipis dan kompak disamping mencapai prestasi optikal yang luar biasa.

Mod resolusi 3-megapiksel, Fungsi Zoom Optik Tambahan menawarkan pembesaran tambahan yang mengagumkan, iaitu kebolehan kuasa zoom kepada 16.9x (473mm\*) dengan resolusi tinggi CCD.

Pemprosesan imej LSI, Enjin Venus IV, mempunyai teknologi proses signal lanjutan untuk menghasilkan gambar-gambar yang berkualiti tinggi. DMC-FH22/FH20 mempunyai Enjin Venus IV iaitu enjin yang membolehkan pekerjaan berganda dalam satu masa dan menyokong masa respon yang sangat pantas. Pelepasan masa *shutter* adalah sepantas 0.006 saat dan respon kamera yang cepat memudahkan untuk mengambil gambar secara spontan dan peluang bergambar saat-saat bermakna dengan kelajuan *sonic* AF (fokus auto) membolehkan anda menyasar ke atas subjek sepantas 0.35 saat\*\* dan masa permulaan kamera sepantas 0.97 saat.

Enjin Venus IV juga menyokong mod Sensitiviti Tinggi yang membenarkan DMC-FH22/FH20 merakam pada aturannya sehingga ISO 6400, dan ia cukup sensitif untuk membenarkan mengambil gambar subjek di dalam gelap tanpa bantuan *flash*\*\*\*

Walaupun mempunyai prestasi yang luar biasa, enjin yang prestasi tinggi itu mempunyai penjimatan tinggi dalam penggunaan tenaga dan membolehkan jangka hayat bateri tahan lebih lama sehingga 300 rakaman (CIPA) setiap caj.

\*kamera 35mm bersamaan

\*\* AF menggunakan 1 kawasan disudut tamat.

\*\* Rakaman di dalam 3-megapiksel(4:3), 2.5-megapiksel(3:2), 2-megapiksel(16:9).

## **2. Mod iA (Auto Pintar) adalah untuk semua jurugambar untuk menjadi jurugambar yang lebih baik**

Panasonic menggabungkan Mod Auto Pintar dalam operasi menjadikannya lebih mudah dikendalikan dan mengurangkan kesilapan apabila mengambil gambar. Mod ini sememangnya didatangi bersama FH22/FH20. MEGA O.I.S.(Penstabil Imej Optik) mengurangkan kesan getaran tangan dan Pengawalan ISO Pintar mengelakkan subjek yang bergerak daripada kelihatan kabur dengan mengoptimalkan kelajuan *shutter* dan pengawalan ISO,

menjadikan gambar kelihatan lebih cantik, dan jelas di dalam apa jua situasi rakaman gambar. Wajah manusia yang dirakam akan difokus dan diberi pendedahan cahaya yang bersesuaian dengan fungsi Pengesan Wajah. Mata merah yang tidak diingini akan dibetulkan secara digital dan tambahan lampu belakang akan diaktifkan secara automatic.

Pemilihan Pemandangan Pintar, akan memilih di antara 6 mod pemandangan Makro, Potret, Pemandangan, Potret Malam, Pemandangan Malam, dan yang terbaru ditambahkan Matahari Terbenam secara automatik—pilihan mengikut situasi rakaman gambar.

Sistem AF yang membolehkan kamera sentiasa fokus ke atas subjek apabila kamera di dalam mod rakaman biarpun sebelum menekan butang *shutter* dipertengahan jalan. Ini adalah untuk mendapatkan keputusan yang baik menggunakan *shutter* kerana fokus sentiasa dekat dengan subjek dan masa AF dapat dikurangkan.

Pengguna boleh mengaktifkan kesemua fungsi yang berguna ini, fungsi rakaman gambar dengan menekan butang iA yang disediakan di bahagian atas kamera. Kesemua ini menjadikan FH22/FH20 canggih, kamera serba guna di dalam merakam gambar yang jelas, cantik dengan mudah.

### **3. Kawalan yang menarik untuk menjadikan Fotografi lebih Menarik di dalam Era HD (Definasi Tinggi)**

Kesemua kamera LUMIX boleh mengambil nisbah 16:9 gambar berkualiti HD (Definasi Tinggi) yang bersesuaian dengan skrin luas HDTV untuk ditonton skrin penuh. Anda juga dapat berhibur melihat gambar yang diambil menggunakan kamera dengan persembahan slaid dengan kualiti HD dengan memasukkan kad memori SDHD/SD di dalam slot kad SDHC/HD pada VIERA HDTV (*VIERA Image Viewer*).

DMC-FH22/FH20 juga dapat merakam rakaman HD dinamik dalam format 1280 x 720p dengan lancar pada 30fps, disamping WVGA (848 x 840) dan VGA (640 x 480) normal. Ia juga mudah untuk menonton rakaman di dalam Komputer dan muat naik ke dalam YouTube dengan perisian PHOTOfunSTUDIO versi 5.0 yang telah disediakan.

· Gunakan kad SD Kelas Pantas\* bersama "Kelas 6" atau lebih tinggi ketika merakamkan rakaman.

\*SD Kelas Pantas adalah kelajuan biasa berhubung dengan penulisan secara berterusan.

· Untuk Eropah, video hanya dapat dirakamkan secara terus-menerus selama 15 minit sahaja.

#### **4. Lanjutan Skrin-Sentuh LCD Pintar Besar (FS33) 3.0-inci / 2.7-inci (FS30) untuk Memudahkan lagi Rakaman dan Ulang Tayang**

DMC-FH22/FH20 menggabungkan LCD Pintar 230, 000-titik yang mudah untuk penglihatan lebih selesa sementara **mengawasi dan memainkan semula rakaman**. Fungsi LCD Pintar mengesan keadaan cahaya dan secara automatik menambahkan cahaya belakang LCD secara 40% maksima ketika mengambil gambar di luar, di bawah cahaya matahari, dan menyesuaikan kepantasan **frame** ketika merakam gambar di dalam situasi kurang terang dengan menggunakan bacaan campuran piksel untuk menjamin kejelasan di dalam situasi berkenaan.

Mengesan cahaya dengan tepat dan secara automatik mengawal keterangan cahaya dengan 11 cara yang lancar, fungsi ini memberikan pemandangan yang paling sesuai di dalam apa jua keadaan tanpa membazirkan tenaga lebih. Mod Sudut Tinggi membuatkan skrin LCD mudah untuk dilihat ketika kamera dipegang tinggi, contohnya ketika mengambil gambar di dalam khayalak ramai.

Sensor statik 3.0-inci skrin sentuh LCD yang terbaru untuk FH22 akan memberikan pengguna kawalan yang mudah dengan operasi hybrid yang menggabungkan empat butang operasi utama. Operasi sentuh lancar tidak kira ketika rakaman ataupun memainkan semula gambar-gambar.

Di dalam mod rakaman, anda hanya perlu sentuh kawasan yang anda ingin fokus sebelum menekan setengah butang *shutter*. Di dalam mod Ulang Tayang, anda boleh memilih gambar di skrin menggunakan jari anda untuk melihat koleksi gambar-gambar seolah-olah membelek muka surat sesebuah buku.

### **5. Kawalan yang Menarik untuk Menambahkan Keseronokan Fotografi.**

DMC-FH22/FH20 yang terbaru memperkenalkan pelbagai fungsi untuk menambahkan keseronokan dan kemudahan pengguna di semua peringkat umur agar dapat menikmati **merakam** gambar-gambar yang cantik.

Dimuatkan dengan pelbagai mod pemandangan membuatkan ia mudah untuk mendapatkan gambar-gambar yang cantik di dalam situasi fotografik. Mod Bayi, Haiwan Peliharaan dan Sukan menggunakan Kawalan ISO Pintar membantu anda mendapatkan keputusan yang memuaskan walaupun subjek mempunyai gerakan yang tidak dapat dijangkakan. Dan lebih lagi, anda dapat merakamkan nama dan tarikh kelahiran anak anda atau haiwan peliharaan dan masukkan informasi nama dan tarikh gambar yang telah diambil, dan anda boleh pilih untuk mencetak salah satu atau kedua-duanya sekali di dalam gambar tersebut. Mod Bingkai Gambar membenarkan pengguna meletakkan bingkai yang menarik di sekeliling gambar. Semasa dicetak, gambar-gambar berkenaan akan kelihatan seperti poskad di dalam bingkai gambar, lalu menjadikan ia poskad yang ideal.

Fungsi dan kawalan yang selalu digunakan seperti O.I.S.(Penstabil Imej Optik), rakaman gambar berturut-turut, fokus automatik, pelarasan keseimbangan putih, paras ISO, saiz imej dan mod LCD dapat digunakan dengan pantas dan mudah akses melalui fungsi Kawalan Pantas. Anda tidak perlu lagi membuka menu untuk melaraskan semua itu.

Pengguna boleh memilih daripada pelbagai ikon menarik untuk menunjukkan apabila subjek berada di dalam fokus. Dengan fungsi *My Scene*, pengguna boleh menggunakan mod Pemandangan spesifik di dalam kawalan, dan menukarkan terus mod pemandangan apabila anda mahu. Menu kelihatan lebih jelas di dalam FH20 dengan pilihan Saiz Paparan, yang membuatkan ia lebih mudah untuk dikendalikan, termasuk untuk golongan tua.

Dengan menggunakan fungsi Zoom Makro, pengguna boleh merakam gambar di mana subjek kelihatan lebih dekat atau yang paling dekat dengan kawalan sudut-lebar dengan menggunakan 3x zoom digital, dan merakam gambar dramatik jarak dekat.

Dengan tambahan kepada kad memori konvensional SD/SDHC, DMC-FH22/FH20 dapat menerima format SD SDXC (SD Kapasiti Lanjutan) generasi seterusnya, yang mempunyai potensi tinggi di dalam kedua-dua kapasiti dan kelajuan memindah data. DMC-FH22/FH20 adalah bersesuaian dengan Windows 7.

### **Mengenai Perisian PHOTOfunSTUDIO 5.0 yang disertakan sekali**

Perisian terbaru PHOTOfunSTUDIO 5.0 yang hadir sekali bersama dengan DMC-F22/F20. Dengan permulaan pantas dan pembacaan imej cekap, PHOTOfunSTUDIO 5.0 direka untuk menyusun dan mengelolakan gambar-gambar bukan sahaja yang baru diambil malah untuk disimpan dalam komputer anda.

Fungsi Pengesan Wajah yang mengenal pasti wajah-wajah dalam gambar secara automatik dan menyusun jenis-jenis gambar itu untuk didaftar tanpa memilih setiap satu gambar apabila anda mahukan gambar-gambar individu yang khusus.

Pengguna juga dapat menikmati persembahan slaid dengan satu kepelbagaian efek dan menggunakan iTunes sebagai muzik latar belakang. Video yang diambil boleh dimuat naik secara terus ke dalam YouTube dengan menggunakan perisian YouTube Uploader termasuk video format HD (Definisi Tinggi). PHOTOfunSTUDIO 5.0 terbaru juga membolehkan anda untuk mencipta satu fail putaran panorama 360 darjah dalam format MOV. Perisian ini juga bersesuaian dengan Windows 7.

Alami pengalaman dan rasai kelebihan PHOTOfunSTUDIO 5.0, ia pasti membenarkan anda untuk melihat, memyunting dan menyimpan gambar dan video dengan lebih mudah dan menghiburkan.

- YouTube adalah hakcipta Google Inc.
- Windows dan logo Windows adalah hakcipta Kumpulan Microsoft.
- Syarikat-syarikat lain dan nama produk adalah hakcipa korporat pihak masing-masing.
- Penggunaan alat-alat rakaman dan penulisan adalah hakcipta yang dilindungi dan apa jua tujuan selain daripada hiburan peribadi adalah dilarang kerana ia akan mencemar pemegang hakcipta terpelihara.
- Reka bentuk dan spesifikasi akan berubah tanpa notis.

**DMC- FH22/FH20 Specifications**

FH22: silver, black, red

FH20: silver, black, red, blue, violet

<b>Metrics</b>	<b>Dimensions (W x H x D)</b>	<p>FH22: 100.0 x 56.5 x 27.2 mm / excl. protrusions: 21.8 mm (3.9 x 2.3 x 1.1 in / excl. protrusions: 0.86 in)</p> <p>FH20: 100.0 x 56.5 x 27.8 mm / excl. protrusions: 22.4 mm (3.9 x 2.3 x 1.1 in / excl. protrusions: 0.88 in)</p>	
	<b>Weight</b>	<p>FH22: Approx. 162g (0.36 lb) with Battery and SD Memory Card Approx. 140g (0.31 lb) without Battery and SD Memory Card</p> <p>FH20: Approx. 160g (0.35 lb) with Battery and SD Memory Card Approx. 138g (0.39 lb) without Battery and SD Memory Card</p>	
<b>Optics</b>	<b>Pixels</b>	<b>Camera Effective Pixels</b> 14.1 Megapixels	
	<b>CCD</b>	<b>Sensor Size / Total Pixels / Filter</b> 1/2.33-inch / 14.5 Total Megapixels / Primary Color Filter	
	<b>Lens</b>	<b>Aperture</b>	F3.3 - 5.9/ 2-Step (F3.3 - 10 (W) / F5.9 - 18 (T))
		<b>Optical Zoom</b>	8x
		<b>Focal Length</b>	f=5-40mm (28-224mm in 35mm equiv.)
		<b>Extra Optical Zoom (EZ)</b>	9.5x (4:3 / 10M), 11.3x (4:3 / 7M), 13.5x (5M) 16.9x(under 3M)
		<b>Lens</b>	<p>LUMIX DC VARIO</p> <p>9 elements in 7 groups</p> <p>(3 Aspherical Lenses)</p>
	<b>Optical Image Stabilizer</b>	MEGA O.I.S. (Off / Auto / Mode1 / Mode2)	
	<b>Digital Zoom</b>	<p>4x</p> <p>( Max. 32.0 x combined with Optical Zoom without Extra Optical Zoom )</p> <p>(Max. 67.5 x combined with Extra Optical Zoom)</p>	
	<b>Focus</b>	<b>Focusing Area</b>	<p>Normal: Wide 50 cm - infinity / Tele 200 cm - infinity</p> <p>Macro / Intelligent AUTO : Wide 5 cm - infinity / Tele 100cm - infinity</p>
		<b>Focus Range Display</b>	Yes

		news release
Recording		<b>AF Assist Lamp</b> Yes
		<b>Focus</b> FH22: Normal / Macro, Zoom Macro, Quick AF (Always On), Touch AF  FH20: Normal / Macro, Zoom Macro, Quick AF (Always On)
		<b>AF Metering</b> FH22: Face / 9 pt/ 1pt / Touch Area on screen FS30: Face / 9 pt/ 1pt
	<b>Shutter</b>	<b>Shutter Speed</b> Still: 8 - 1/1600 sec Starry Sky Mode : 15, 30, 60sec.
		<b>Shutter Interval</b> 1.2 sec
	<b>iA</b>	<b>Optical Image Stabilizer</b> Photo & Movie
		<b>Intelligent ISO Control</b> Photo
		<b>Face Detection</b> Photo
		<b>Intelligent Scene Selector</b> Photo (Portrait, Scenery, Night Portrait, Night Scenery, Sunset, Macro)
		<b>Digital Red Eye Correction</b> Photo
		<b>iA Direct Button</b> Yes
	<b>File</b>	<b>File Format</b> Still Image: JPEG(DCF/Exif2.21) Motion picture: QuickTime Motion JPEG
	<b>Interface</b>	<b>Mode Switch</b> [Recording] / [Playback]
	<b>Recording Modes</b>	<b>Mode Dial / Mode Button</b> Intelligent AUTO, Normal Picture, SCN, My SCN, Motion Picture
		<b>Still Image Scene Mode</b> Portrait, Soft Skin, Transform, Self-Portrait, Scenery, Sports, Night Portrait, Night Scenery, Food, Party, Candle Light, Baby1, Baby2, Pet, Sunset, High sensitivity, Hi-Speed Burst, Flash Burst, Starry Sky, Fireworks, Beach, Snow, Aerial photo, Sand Burst, Photo Frame
	<b>Continuous Shooting Mode</b> High-speed Burst Mode: approx. 4.6 frames/sec (image priority) (recorded in 3M for 4:3, 2.5M for 3:2, 2M for 16:9)	
	<b>Unlimited consecutive shooting</b> 1.5 frames/sec	
	<b>Flash Burst Continuous Shooting Mode</b> Max. 5 images (Standard mode)	
	<b>Motion Picture Recording</b> 4:3 VGA: 640 x 480 pixels, 30fps (Motion JPEG), QVGA: 320 x 240 pixels, 30 fps (Motion JPEG) ----- 16:9 WVGA: 848 x 480 pixels, 30 fps (Motion JPEG) ----- HD Movie 1280x720 pixels, 30fps (Motion JPEG)	

		news release
Exposure Parameters	Exposure	Program AE
	Exposure Compensation	1/3 EV step, +/-2 EV
	Backlight Compensation	Yes (only in Intelligent AUTO mode)
	Light Metering	Intelligent Multiple
	ISO Sensitivity	i.ISO / 80 / 100 / 200 / 400 / 800 / 1600 High Sensitivity (ISO 1600-6400)
Image Parameters	Aspect Ratio	4:3 / 3:2 / 16:9
	Still Picture Recording	4:3 4320x3240(14M) / 3648x2736(10M EZ) / 2560x1920(5M EZ) / 2048X1536(3M EZ) / 640X480(0.3M EZ) 3:2 4320 x 2880 (12.5M) 16:9 4320 x 2432 (10.5M)
	White Balance	Auto / Daylight / Cloudy / Shade / Halogen / White Set (Selectable at Portrait, Soft Skin, Transform, Self-Portrait, Sports, Baby, Pet, High Sensitivity, Highspeed Burst, Photo Frame)
	Quick Menu	Yes
	Color Mode / Color Effect	Standard, Vivid, Natural, Black & White, Sepia, Cool, Warm
Others	Composition Guide line	Yes (1 pattern)
	Auto Review	1sec, 2sec, Zoom, Hold
	Macro Zoom	Yes
	Orientation Detector	Yes
	Scene Mode Help Screen	Yes
	Self Timer	2sec / 10sec
	Focus Icon Select	Yes
	Playback Display	Playback Mode
Thumbnails / Zoomed Playback		12,30-thumbnails / Max 16x
Calendar Display		Yes
Set Favorites Image		Yes
Playback Motion Picture		Yes ( Motion JPEG)

		news release	
Delete	Slideshow Mode	All / Category / Favorites BGM Effect (Natural / Slow / Swing / Urban / OFF)	
	Delete Image	Single / Multi / All / All except Favorites	
	DPOF Print Setting / Set Protection	Yes / Yes	
Edit	Resize / Trim	Yes / Yes	
	Copy / Title Edit / Text Stamp	Yes / No / Yes (only Baby, Pet, Travel)	
	PictBridge Support	Single / Multi / All / Favorites / DPOF	
Setup	OSD language	English, German, French, Italian, Spanish, Polish, Czech, Hungarian, Russian, Chinese (Traditional), Chinese (Simplified), Netherlandic, Thai, Korean, Turkish, Portuguese, Arabic, Persian, Japanese, Swedish, Danish, Finnish, Greek	
	Travel Date / World Time	Yes / Yes	
Others	Monitor	LCD Monitor	FH22: 3.0" TFT Touch Screen LCD Display (230K dots) FH20: 2.7" TFT Screen LCD Display (230K dots)  Field of View : approx. 100%  AUTO Power LCD mode, Power LCD mode, High Angle mode
		Touch Panel	FH22: Yes FH20: No
	Flash	Built-in-Flash	Auto, Auto/Red-eye Reduction, Forced On, Forced Off  0.6 – 5.8m (Wide/ISO Auto), 1.0 – 3.2m (Tele/ISO Auto)
		Media	Recording Media
	Built-in-Memory		Approx. 40MB
	Audio	Microphone / Speaker	Mono / Yes
	Interface	Interface	AV Output (NTSC/PAL, NTSC only for N. America), USB2.0 Full-speed, DC Input (requires optional DC coupler)
	Power	Power	ID-Security Li-ion Battery Pack (3.6V, Minimum: 740mAh) (Included)  AC Adaptor (Input: 110-240V AC) (Optional)
		Battery Life	Approx. 300 pictures (CIPA Standard)*1*2
	Standard Package	Included Software	PHOTOfunSTUDIO 5.0 Edition, QuickTime, Adobe Reader
Standard Accessories		Battery Charger, Battery Pack, Battery Case, AV cable, USB Cable, Hand Strap, CD-ROM	

\*1 Ini adalah taraf masa yang di ambil ketika suhu 23°C (73.4°F) dan 50% kelembapan. Pada masa boleh didapati untuk pelbagai rakaman adalah bergantung kepada persekitaran, jarak waktu d antara rakaman, dan cara menggunakannya. Masa rakaman sebenar adalah masa yang ada untuk rakaman ketika mengulang tindakan seperti menekan butang bekalan tenaga [ON]/[OFF], mulakan/menghentikan rakaman, zoom operasi dan sebagainya.

\*2 CIPA adalah ringkasan [Camera & Imaging Products Association] atau Kamera dan Persatuan Produk Gambar. Suhu: 23°C (73.4°F)/Kelembapan: 50% adalah apabila monitor LCD dibuka. Dengan menggunakan Kad Memory SD Panasonic (32 MB). Dengan menggunakan bateri yang telah disediakan. Masa rakaman bermula 30 saat selepas kamera dihidupkan. (Apabila fungsi imej optikal stabilisasi diletakkan kepada [AUTO]). Setiap rakaman selama 30 saat bersama rakaman lampu penuh setiap saat. Dengan memusingkan butang zoom daripada Tele kepada Wide ataupun sebagainya di dalam setiap rakaman. Dengan mematikan kamera setiap 10 rakaman dan meninggalkan ia sampai suhu bateri berkurangan. Nombor rakaman gambar akan berkurangan di dalam Mod Kuasa LCD Automatik dan Mod Kuasa LCD.

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan eletronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran sistem profesional, system perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, sila layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Bagi ahli media, sila ke [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com) untuk muat turun siaran akhbar dan foto.

Perhubungan Media: Azizah Wahid  
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

Simone Pan  
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7874 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966  
Emel: [simone.pan@my.panasonic.com](mailto:simone.pan@my.panasonic.com)

Perhubungan Produk: Patricia Yaw  
Eksekutif Produk (Lumix)  
Digital Imaging Panasonic Malaysia  
Tel: 03-7809 7696 Faks: 03-7955 2848 Mobil: 012-975 6863  
Emel: [patricia.yaw@my.panasonic.com](mailto:patricia.yaw@my.panasonic.com)

###